



مَكَتَبَتَيْنِ جَالِ اَحْوَالِ اَكْثَامِ

KEMENTERIAN HAL EHWAL UGAMA
MINISTRY OF RELIGIOUS AFFAIRS
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

**SURAT PEMBERITAHUAN
KEMENTERIAN HAL EHWAL UGAMA
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM BILANGAN 1/2023**

السلام عليكم ورحمة الله وبركاته

**PEPERIKSAAN PERKHIDMATAN UGAMA PERKHIDMATAN AWAM (PPUPA)
KEMENTERIAN HAL EHWAL UGAMA BAGI TAHUN 2023**


**Yang Mulia,
KETUA-KETUA JABATAN/BAHAGIAN**

Pengiran/Dr/Tuan Haji/Puan Hajah,

Dengan hormat memaklumkan bahawa Peperiksaan Perkhidmatan Ugama Perkhidmatan Awam Kementerian Hal Ehwal Ugama (PPUPA) bagi tahun 2023 akan diadakan pada bulan Julai 2023.

2. Peperiksaan berkenaan diadakan bagi tujuan berikut :
 - 2.1 Membolehkan calon-calon yang disyaratkan menduduki PPUPA bagi tujuan penetapan jawatan untuk menduduki peperiksaan berkenaan.
 - 2.2 Membolehkan calon-calon yang gagal dalam kertas/kertas-kertas PPUPA dalam peperiksaan sebelumnya untuk menduduki ulang peperiksaan bagi kertas/kertas-kertas yang berkenaan;
3. Sehubungan dengan itu, sukacita dipohonkan kerjasama Pengiran/Dr/Tuan Haji/Puan Hajah, untuk mengarahkan pegawai-pegawai di Jabatan Pengiran/Dr/Tuan Haji/Puan Hajah, yang disyaratkan untuk lulus PPUPA iaitu bagi pegawai-pegawai yang memegang jawatan-jawatan berikut dalam tanggungaji B.2/B.2 EB.3/G.13 yang masih menjalani tempoh percubaan atau belum ditetapkan dalam jawatan. Jawatan berkenaan iaitu :
 - i. Pegawai Ugama ;
 - ii. Pegawai Perkembangan Ugama ; dan
 - iii. Pegawai Hal Ehwal Masjid

..../2



- 2 -

4. Untuk makluman Borang Permohonan Peperiksaan Perkhidmatan Ugama Perkhidmatan Awam (PPUPA) Kementerian Hal Ehwal Ugama boleh dimuat turun di Laman Web Kementerian Hal Ehwal Ugama www.mora.gov.bn di **Pautan Berkaitan** di bawah tajuk **Surat Pemberitahuan Kementerian Hal Ehwal Ugama**.


5. Borang Permohonan yang telah lengkap diisi hendaklah dihadapkan kepada **Pengarah Pentadbiran, Kementerian Hal Ehwal Ugama (UP : Unit Pembaharuan Perkhidmatan Awam, Jabatan Pentadbiran, Lantai Bawah, Bangunan KHEU) sebelum/pada Hari Khamis, 29 April 2023M.**

Sekian disampaikan untuk apa jua makluman dan tindakan lanjut pihak Pengiran/Dr/Tuan Haji/Puan Hajah mengenainya.

والله ولي التوفيق

"منجايان واوسن بروني 2035"


Menjayakan Wawasan Brunei 2035


[HAJI MD. SHAMSUL RIZA BIN HAJI SULAIMAN]

bp.Setiausaha Tetap

Rujukan : KHEU/SK/1/89

Tarikh : 6 Sya'ban 1444H bersamaan 27 Februari 2023M



SEPERTI PEMBAHAGIAN :

YM Pejabat Menteri Hal Ehwal Ugama, KHEU

YM Pejabat Timbalan Menteri Hal Ehwal Ugama, KHEU

YM Pejabat Setiausaha Tetap, KHEU

YM Pejabat Timbalan Setiausaha Tetap, (Dasar dan Keugamaan), KHEU

YM Ra'es Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan, KHEU

YM Pengarah Pentadbiran, KHEU

- YM Pmk. Penolong Pengarah Pentadbiran I (Bahagian Pengurusan Sumber Manusia),
- YM Penolong Pengarah Pentadbiran II (Bahagian Kewangan),
- YM Ketua Bahagian Perancangan dan Pembangunan Sumber Manusia,
- YM Ketua Unit Pembaharuan Perkhidmatan Awam,
- YM Ketua Unit Perumahan,
- YM Ketua Unit Penghapusan,

YM Pengarah Pusat Da'wah Islamiah, KHEU

YM Pengarah Unit Perundangan Islam, KHEU

YM Pengarah Hal Ehwal Syariah, KHEU

YM Pengarah Hal Ehwal Masjid, KHEU

YM Pengarah Urusan Haji, KHEU

YM Pengarah Pengajian Islam, KHEU

- YM Ketua Bahagian Peperiksaan, JPI (Lantai Bawah, KHEU)

YM Setiausaha Majlis Ugama Islam Brunei, KHEU

YM Ketua Bahagian Dasar, Perancangan dan Penyelidikan, KHEU

YM Ketua Bahagian Kemajuan Syiar Islam, KHEU

YM Ketua Bahagian Bangunan dan Pemeliharaan, KHEU

YM Ketua Unit Audit Dalaman, KHEU

YM Ketua Unit Kesihatan, Kawalan Keselamatan dan Alam Sekitar, KHEU

YM Ketua Unit Kaunseling Dan Kefahaman Agama (KAFA)

YM Ketua Bahagian Perhubungan Awam, Antarabangsa dan MABIMS, KHEU

YM Ketua Bahagian Teknologi Maklumat, KHEU

YM Ketua Bahagian Penguatkuasaan Ugama, KHEU

YM Ketua Bahagian Pendakwaan Syari'e, KHEU

YM Ketua Pegawai Ugama Daerah Tutong, KHEU

YM Ketua Pegawai Ugama Daerah Belait, KHEU

YM Ketua Pegawai Ugama Daerah Temburong, KHEU

YM Pengetua Institut Tahfiz Al-Quran Sultan Haji Hassanali Bolkiah, KHEU

Rujukan : KHEU/SK/1/89

Tarikh : 6 Sya'ban 1444H bersamaan 7 Februari 2023M